



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**1 MEI 2022**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 14 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 370,774 kes. Tiada kes kematian dilaporkan pada hari ini.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 223 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 362,478 orang. Manakala 155 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 154 orang di hospital dan satu (1) orang di fasiliti swasta.. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 13 orang merangkumi 12 di ICU/repurposed kritikal *care* serta satu (1) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan empat (4) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Tawau berubah dari zon merah ke jingga manakala daerah Kudat berubah dari zon jingga ke zon kuning.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning 16 daerah
- Zon Jingga lima (5) daerah
- Zon Merah enam (6) daerah

**i. Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Sabah mencatatkan angka jangkitan baharu 14 kes hari ini, antara angka terendah sejak virus COVID-19 dikesan di Sabah pada 12 Mac 2020. Ini juga merupakan penurunan 34 kes berbanding jumlah kelmarin.
- b. Hanya lima (5) daerah daripada 27 daerah di Sabah merekodkan jangkitan baharu, iaitu Kota Kinabalu 6 kes (-6), Sandakan 4 kes (-2), Papar 2 (+2), dan masing-masing satu (1) kes di Beluran dan Kunak. Tidak ada kes baharu dikesan di 22 daerah lain dalam tempoh 24 jam yang lalu.
- c. 13 daripada 14 kes hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2 sementara satu (1) kes lagi dalam Kategori 3. Tidak ada kes baharu dalam Kategori 4 dan Kategori 5.
- d. Hari ini kita menyambut Hari Buruh. Kerajaan Negeri ingin merakamkan penghargaan kepada semua pekerja khususnya pekerja barisan hadapan yang bertungkus lumus memerangi virus COVID-19 sehingga kita berjaya mencapai hasil yang baik pada hari ini. Tahap pematuhan yang tinggi kepada semua SOP di kalangan rakyat jelata juga merupakan faktor penting yang menyumbang kejayaan kita membendung penularan virus COVID-19 setakat ini.
- e. Perang melawan COVID-19 belum selesai. Tanggungjawab tersebut kini dipikul oleh orang ramai melalui sikap dan gaya hidup kita yang perlu menitikberatkan keselamatan kesihatan diri dan keluarga. Mulai hari ini pelbagai kelonggaran SOP berkuatkuasa di seluruh negara sesuai dengan tempoh peralihan negara kita kepada fasa endemik. Adalah diharapkan semua lapisan masyarakat akan terus mengamalkan sikap yang bertanggungjawab bagi memastikan angka jangkitan di Sabah kekal rendah.
- f. Perayaan Kaamatan dilancarkan di Keningau hari ini dan kita juga akan menyambut perayaan Aidilfitri dalam sehari dua lagi. Alangkah baiknya sekiranya sambutan kita kepada kedua perayaan ini tidak sedikit pun menjejaskan momentum kita memenangi perang melawan COVID-19. Semua bergantung kepada sikap kita sendiri semasa menyambut kedua perayaan ini.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	0	0.00%
2	Kontak	1	7.14%
3	Bergejala	10	71.43%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	3	21.43%
<b>JUMLAH</b>		<b>14</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (30 April 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 30/04/2022	Catatan Kes 1/05/2022	Perbandingan
1	Papar	0	2	+2
2	Kunak	1	1	Mendatar
3	Beluran	1	1	Mendatar
4	Kalabakan	0	0	Mendatar
5	Pitas	0	0	Mendatar
6	Ranau	0	0	Mendatar
7	Kota Marudu	0	0	Mendatar
8	Kudat	0	0	Mendatar
3	Beaufort	0	0	Mendatar
10	Tambunan	0	0	Mendatar
11	Telupid	0	0	Mendatar
12	Tongod	0	0	Mendatar
13	Nabawan	0	0	Mendatar
14	Kinabatangan	0	0	Mendatar
15	Penampang	8	0	-8
16	Kota Kinabalu	12	6	-6
17	Tawau	4	0	-4
18	Putatan	4	0	-4
19	Sandakan	6	4	-2
20	Semporna	2	0	-2
21	Tenom	2	0	-2
22	Lahad Datu	2	0	-2
23	Tuaran	2	0	-2
24	Kuala Penyu	1	0	-1
25	Kota Belud	1	0	-1
26	Sipitang	1	0	-1
27	Keningau	1	0	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>48</b>	<b>14</b>	<b>-34</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	1	4	0	1	6	222
Sandakan	0	0	4	0	0	4	71
Papar	0	0	1	0	1	2	50
Beluran	0	0	0	0	1	1	12
Kunak	0	0	1	0	0	1	3
Penampang	0	0	0	0	0	0	67
Tuaran	0	0	0	0	0	0	54
Tawau	0	0	0	0	0	0	31
Keningau	0	0	0	0	0	0	27
Kota Belud	0	0	0	0	0	0	18
Beaufort	0	0	0	0	0	0	21
Putatan	0	0	0	0	0	0	25
Kota Marudu	0	0	0	0	0	0	19
Lahad Datu	0	0	0	0	0	0	58
Ranau	0	0	0	0	0	0	15
Tenom	0	0	0	0	0	0	24
Pitas	0	0	0	0	0	0	4
Kuala Penyu	0	0	0	0	0	0	11
Sipitang	0	0	0	0	0	0	10
Telupid	0	0	0	0	0	0	9
Tongod	0	0	0	0	0	0	3
Nabawan	0	0	0	0	0	0	6
Tambunan	0	0	0	0	0	0	18
Kinabatangan	0	0	0	0	0	0	11
Semporna	0	0	0	0	0	0	18
Kudat	0	0	0	0	0	0	17
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	3
<b>JUMLAH</b>	<b>0</b>	<b>1</b>	<b>10</b>	<b>0</b>	<b>3</b>	<b>14</b>	<b>827</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 1,216 unit.

- Hospital 1,188 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 12.87%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 1 MEI 2022

### i. Tempatan/Import/Tahanan

<b>Import/Tempatan</b>	
Tempatan	14
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	0
<b>Jumlah</b>	<b>14</b>

### ii. Kewarganegaraan

<b>Kewarganegaraan</b>	
Malaysia	14
Bukan Malaysia	0
<b>Jumlah</b>	<b>14</b>

### iii. Status Vaksinasi

<b>Status Vaksinasi</b>	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	1
Belum Menerima Vaksin (5-11)	0
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	1
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	4
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	8
<b>Jumlah</b>	<b>14</b>

### iv. Umur

<b>Umur (Tahun)</b>	
<1	0
1-4	1
5 -11	0
12-17	0
18-29	4
30-39	5
40-49	0
50-59	2
60-69	2
70-79	0
80-89	0
>90	0
<b>Jumlah</b>	<b>14</b>

## **C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 30 April 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 3,659 orang. Daripada jumlah ini, seramai 273 orang adalah penduduk dewasa, 240 orang adalah penduduk remaja dan 3,146 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 30 April 2022 adalah seramai 2,586,752 orang. Ini meliputi 2,134,540 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.57% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,462,801 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,091,877 orang atau 77.00% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 335,182 orang atau 78.64% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 319,333 atau 74.93% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 117,030 atau 28.45% orang telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk kanak-kanak yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 51,591 atau 12.54% orang.

## **D LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS**

- 1 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) 190 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 65 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.



- 2 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 818 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.
  - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 557 premis perniagaan dan 929 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun melanggar SOP Covid-19 dikeluarkan oleh DBKK.
- 3 Rondaan Ajen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 147 Premis Perniagaan melibatkan 43 anggota APM.
- 4 Sejumlah 20 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di satu (1) daerah pada hari ini.
- 5 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 120 hebahan di seluruh Sabah.
- 6 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**